

PERHUBUNGAN DI ANTARA ORIENTASI MATLAMAT DAN GAYA KEJURULATIHAN

ATLIT SUKAN BOLA BALING DI PERINGKAT UNIVERSITI

MUHAMMAD FARHAN SAMIR BIN MUSA

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 TANJONG MALIM, PERAK

ATLIT SUKAN BOLA BALING DI PERINGKAT UNIVERSITI

MUHAMMAD FARHAN SAMIR BIN MUSA

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA

MOD KERJA KURSUS

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 TANJONG MALIM, PERAK



PENGHARGAAN

Assalamualaikum, Alhamdulillah terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT, kerana akhirnya saya dapat menyiapkan proposal kajian yang telah ditugaskan kepada saya. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada dan juga penyelia saya, Profesor Dr. Shahrudin Bin Abdul Aziz yang telah memberikan tunjuk ajar terhadap cadangan penyelidikan saya untuk disiapkan. Beliau sentiasa memberikan sokongan dan tunjuk ajar kepada saya untuk membuat cadangan kajian saya dengan baik.

Seterusnya, terima kasih juga kepada penyelarar saya, Dr. Ali Bin Md Nazlan yang turut membantu dalam memberikan pendapat dan komentar terhadap penyelidikan yang saya lakukan. Beliau juga menunjukkan sokongan dan memberikan idea serta mengulas cadangan penyelidikan saya agar saya dapat menambah baik cadangan saya dalam pelbagai cara.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan - rakan yang menyokong dan membantu saya untuk menyiapkan proposal kajian ini dari segi masa, maklumat sepanjang proses menyiapkan cadangan penyelidikan ini. Saya juga turut menghargai kerjasama yang diberikan oleh atlet - atlet bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Muhammad Farhan Samir

Bin MusaD20192090776

ISM Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) Dengan

KepujianUniversiti Pendidikan Sultan Idris





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara ciri orientasi matlamat dan gaya kejurulatihan dalam kalangan atlet bola baling lelaki dan perempuan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan maklumat di perolehi melalui soal selidik yang melibatkan 52 orang pemain bola baling UPSI. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah 'Task and Ego Orientation In Sport Questionnaire' (TEOSQ) untuk mengukur menilai sama ada seseorang individu mentakrifkan kejayaan dalam konteks sukan sebagai "berorientasikan tugas" atau "berorientasikan ego". dan soal selidik Soal Selidik Gaya Kepimpinan Jurulatih (Skala Kepimpinan untuk Sukan/LSS) untuk menentukan teori kepimpinan tertentu boleh digunakan untuk persekitaran sukan. Dapat menunjukkan Gaya kejurulatihan Autokratik, Demokratik, TLL (Tingkah Latih Latihan), SS (sokongan sosial) GMG (Gelagat Memberi ganjaran), Orientasi matlamat tugas dan ego tidak menunjukkan skor min yang signifikan. Dapat juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi Orientasi matlamat dan Gaya kejurulatihan. Analisis kolerasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Orientasi matlamat tugas dan gaya kejurulatihan kecuali gaya kejurulatihan Autokratik manakala bagi orientasi matlamat ego hanya gaya kejurulatihan Autokratik dan Demokratik yang menunjukkan keputusan signifikan. Hal ini bermakna pelajar yang menyertai sukan bola baling mempunyai pilihan gaya kejurulatihan yang berbeza, namun perkara ini tidak mempengaruhi orientasi matlamat mereka secara langsung.





ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between goal orientation characteristics and coaching style among male and female handball athletes at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This study was conducted as a survey and information was obtained through a questionnaire involving 52 UPSI handball players. The questionnaire used in this study is the 'Task and Ego Orientation In Sport Questionnaire' (TEOSQ) to measure whether an individual defines success in the context of sport as "task oriented" or "ego oriented". and the Coaches' Leadership Style Questionnaire (Leadership Scale for Sport/LSS) questionnaire to determine the applicability of certain leadership theories to the sports environment. Findings show Autocratic, Democratic, TLL (Training Behavior), SS (social support) GMG (Rewarding Behavior), Task goal orientation and ego do not show significant mean scores. Findings also show that there is no significant difference for Goal Orientation and Coaching Style. Correlation analysis shows that there is a significant relationship between Task Goal Orientation and coaching style except Autocratic coaching style while for ego goal orientation only Autocratic and Democratic coaching styles show significant results. This means that students participating in handball sports have different coaching styles, but this does not directly affect their task goal orientation.



KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	viii

BAB 1	PENDAHULUAN	HALAMAN
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Kepentingan kajian	7
	1.3.1 Kepentingan kajian terhadap atlit Bola Baling	7
	1.3.2 Kepentingan terhadap jurulatih Bola Baling	7
	1.3.3 Kepentingan terhadap atlet Bola Baling Universiti	8
	1.3.4 Kepentingan terhadap psikologi	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	10
	1.6.2 Delimitasi Kajian	10
	1.6.3 Limitasi Kajian	11



1.7	Definisi Pemboleh Ubah Kajian	12
1.7.1	Motif penglibatan	12
1.7.2	Motivasi Instrinsik	12
1.7.3	Motivasi ekstrinsik	13
1.7.4	orientasi matlamat	13
1.7.5	Gaya kejurulatihan	14
1.8	Rumusan	14
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	15
2.2	Kajian Lampau	16
2.2.1	Definisi orientasi matlamat	16
2.2.1.1	Definisi Motivasi	16
2.2.2	Latar belakang gaya kejurulatihan	18
2.2.3	Teori-teori	18
2.3	Rumusan	20
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	21
3.3	Subjek Kajian	22
3.4	Instrumen Kajian	22
	Bahagian A :Maklumat Demografi	24



	Bahagian B : Soal Selidik Orientasi Tugas dan Ego (TEOSQ)	24
	Bahagian C : Soal Selidik Gaya Kepimpinan Jurulatih (LSS)	25
3.5	Prosedur Kajian	26
3.6	Rumusan	28
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	29
4.1	Latar Belakang Demografi	30
	4.1.1 Jantina	30
	4.1.2 Umur	31
4.2	Dapatan kajian	32
	4.2.1 Orientasi matlamat dalam kalangan pemain bola baling Upsi	32
	4.2.2 Gaya kejurulatihan pilihan pemain bola baling Upsi	33
	4.2.3 Perbezaan corak orientasi matlamat diantara pemain Lelaki dan Perempuan UPSI	34
	4.2.4 Perbezaan pilihan gaya kejurulatihan pemain diantara Pemain bola baling lelaki dan perempuan	35
	4.2.5 Perkaitan antara orientasi matlamat dan gaya kejurulatihan Pilihan pemain	36
4.3	Rumusan	39
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN & CADANGAN	



5.1	Pengenalan	41
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	41
5.2.1	Pilihan gaya kejurulatihan dan corak Orientasi Matlamat	42
5.2.2	Perbezaan Corak Orientasi Matlamat	44
5.2.3	Perbezaan pilihan Gaya Kejurulatihan	45
5.2.4	Hubungkait Ciri orientasi matlamat dan Gaya Kejurulatihan	46
5.3	Cadangan Kajian	51
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	52
5.5	Kesimpulan	53

RUJUKAN**LAMPIRAN**

54

56

**SENARAI
JADUAL****Jadual****Halaman**

Jadual 1	Penerangan Skala dan Item <i>BFI</i>
Jadual 2	Pernyataan Subskala Corak Motivasi Sukan (<i>SMS-28</i>)
Jadual 4.1	Dapatan Profil Jantina Responden
Jadual 4.2	Dapatan Profil Umur Responden
Jadual 4.3	Dapatan analisis orientasi matlamat pemain bola





baling UPSI

Jadual 4.4 Dapatan Analisis Gaya Kejurulatihan Pemain

Bola Baling UPSI

Jadual 4.5 Dapatan Analisis Perbezaan Corak Orientasi

Matlamat Pemain

Jadual 4.6 Dapatan Analisis Perbezaan Pilihan Gaya

Kejurulatihan Pemain

SENARAI SINGKATAN

SUKIPT Sukan Institusi Pengajian Tinggi

SUKMA Sukan Malaysia

SEA *Sport East Asean*



LSS *Leadership Scale for Sport*

SPSS *Statistical Package For The Social Sciences*

LPA *Latent Profile Analysis*

TEOSQ *Task & Ego Orientation In Sport*

n Bilangan Sampel

m Nilai Min dan Purata

sd Sisihan Piawai

t Nilai- t

Sig Signifikan

P Nilai Kebarangkalian

r Nilai reabiliti



BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Di dalam era sukan pada masa kini, kepimpinan kejurulatihan memainkan peranan yang penting terhadap atlete dan sukan tersebut (Sofian, 2003). Hal ini menjadi isu yang sering diperbincangkan dan menjadi perhatian semua pihak, baik kepada atlet, pengurus organisasi olahraga maupun peminat sukan. Masalah kepemimpinan ini juga memainkan peranan yang penting dan berdampak langsung pada prestasi dan bakat atlet. Baru-baru ini, Skuad futsal negara di sukan SEA di Vietnam telah menunjukkan prestasi yang merudum akibat kekalahan yang besar dan hanya mempunyai satu mata dengan mata seri terhadap lawannya iaitu negara Myanmar. Dapat dilihat kepimpinan yang ditunjukkan oleh jurulatih negara tidak dapat membawa sebarang kemenangan dan kejayaan terhadap sukan futsal semasa di sukan Sea

tersebut. Manakala skuad terjun negara menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan membawa pulang 4 pingat emas untuk Negara. Ini kerana jurulatih bagi skuad terjun negara dilihat dapat mendorong atlete dan melakukan perbincangan dengan atlete dalam kelima-lima terjunan dengan baik bagi menambahbaik prestasi atlete dalam terjunan seterusnya lalu membutirkan 4 pingat emas bagi negara Malaysia.

Kepimpinan yang berkesan, menurut Wildman (2006), merupakan aspek penting yang mesti dipamerkan untuk meningkatkan prestasi pasukan. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa kemajuan sesebuah pasukan dalam prestasi dan kemenangan dalam sesuatu kejohanan atau pertandingan bukan sahaja bergantung kepada keupayaan dan kuasa atlet, tetapi juga kepada kerjasama sekumpulan individu yang bekerjasama. Tidak dinafikan bahawa pasukan yang kuat mesti merangkumi pengurusan yang cekap dan kakitangan yang bekerja keras. Pengurus, jurulatih, dan atlet mesti memahami dan menghargai peranan dan tugas mereka dalam pasukan. Akan ada kelemahan sekiranya sesebuah organisasi sukan itu tidak bekerjasama dan bersatu padu yang secara tidak langsung akan membawa kepada kejatuhan prestasi atlet.

Apabila bercakap tentang sukan atau bermain dalam acara kompetitif, setiap pemain mesti mempunyai matlamat yang jelas dalam fikiran. Pemain akan sentiasa menonjol dan menggunakan pelbagai kaedah, pendekatan, teknik dan taktik untuk mencapai matlamat mereka. Menurut Gill (2000), corak orientasi matlamat ditentukan oleh bagaimana seseorang itu mentakrifkan kejayaan. Individu yang berorientasikan tugas akan menumpukan perhatian kepada perbandingan pencapaian adalah berkadar dengan tahap perkembangan diri individu. Individu yang mempunyai ego yang kuat lebih cenderung untuk bertindak ganas (Weinberg & Gould, 2003).

Dalam bidang sukan, perasaan untuk memenangi sesuatu pertandingan seringkali dilihat sebagai satu-satunya faktor penting untuk melihat pencapaian prestasi dan pengekalannya penyertaan individu dalam aktiviti tersebut (Duda, 1989b). Sekiranya seseorang atlet bola baling itu telah merasai erti sebuah kemenangan dia akan terus berusaha untuk mengekalkan kemenangan tersebut supaya perasaan itu akan terus diserap didalam dirinya.

Bola baling adalah sukan yang berasal dari Eropah. Permainan ini diadaptasi daripada permainan yang lebih canggih seperti Czeska Hasenka di Denmark dan Korbball dan Raffball di Jerman. Pada suatu ketika, sukan ini merupakan sukan yang popular di negara Eropah. Torball ialah nama permainan yang dimainkan oleh tujuh rakan seperjuangan semasa Perang Dunia I. Bilangan permainan telah ditukar kepada 11 setiap pasukan pada tahun 1917, dan ia dimainkan di padang bola sepak. Heizer mempopularkan permainan itu di Jerman, dan ia dikenali sebagai bola baling. Menurut ahli sejarah Rusia, Edward Maly mencipta permainan ini (dengan tujuh pemain setiap pasukan) di Kharkov pada tahun 1909.

Di dalam sukan Bola baling, Bola baling merupakan sukan yang memerlukan kemahiran yang tinggi dan ilmu yang banyak untuk bermain dengan lebih baik dan bagus. Bola baling memerlukan Latihan yang insentif daripada jurulatih yang betul dan gaya kejurulatihan yang dapat membantu atlet tersebut mengasah bakat dan kemahiran mereka dengan lebih tajam. Gill (2000) dalam bukunya menyatakan corak orientasi matlamat adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Dalam konteks ini Orientasi matlamat atlet bola baling bergantung terhadap motivasi dirinya samada cenderung dengan kejayaan atau hanya untuk sikap menunjuk-nunjuk. Akibatnya sikap agresif seseorang atlet akan muncul sekiranya orientasi matlamat di dalam dirinya adalah salah.

Sukan Bola Baling merupakan sukan yang memerlukan stamina yang tinggi. Ini kerana sukan ini memerlukan atlete untuk bergerak secara laju dan deras dalam kaedah menyerang dan bertahan. Segala Teknik dan taktikal yang telah diajari perlu dipraktikkan semasa Latihan dan perlawanan sebenar supaya dapat menambahbaikkan kemahiran individu atlit dari masa ke semasa. Serpa, Pataco dan Santos (1991), menyatakan pasukan yang berjaya mempunyai pemimpin yang memainkan peranan utama dalam membentuk sebuah pasukan yang mantap. Pimpinan daripada jurulatih dapat menunjukkan atlete di dalam gelanggang tentang kesalahan apa yang mereka buat yang dapat dilihat oleh jurulatih. Jadi jurulatih perlu menunjukkan kemahiran mengarah dan memimpin dengan betul supaya atlete dapat memperbaiki kesilapan dan salahlaku dalam permainan sehingga mencapai kemenangan.

Dalam bidang sukan, perasaan untuk memenangi sesuatu pertandingan seringkali dilihat sebagai satu-satunya faktor penting untuk melihat pencapaian prestasi dan pengekalannya penyertaan individu dalam aktiviti tersebut (Duda, 1989b). Seseorang itu akan terus melibatkan diri dalam sukan yang disertainya sekiranya sering memenangi sesuatu pertandingan. Walau bagaimanapun, Roberts (1992) mempunyai pendapat yang berbeza. Roberts (1992), melalui pendekatan Teori Sosial Kognitif melihat pencapaian dari dua aspek iaitu Orientasi Tugasan (Task Orientation) dan Orientasi Ego (Ego Orientation). Orientasi Tugasan merujuk kepada kebolehan memahirkan diri dalam sesuatu kemahiran dan pencapaian dilihat apabila seseorang itu dapat memahirkan diri dan meningkatkan kemahiran dirinya sendiri tanpa perlu membandingkan dengan individu lain. Orientasi Ego pula merujuk kepada pencapaian yang berpandukan kepada individu lain. Menurut Nicholls (1984), Orientasi Tugasan ataupun Ego adalah berdasarkan bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Sekiranya individu menganggap dirinya telah berjaya hanya setelah mengalahkan pihak lawan, mereka tergolong

dalam kumpulan yang menjurus kepada Orientasi Ego. Sebaliknya, individu 5 yang menganggap kejayaan dicapai setelah memiliki kemahiran tertentu dan meningkatkan prestasi diri sendiri, mereka cenderung kepada Orientasi Tugas

1.2 PENYATAAN MASALAH

Kejohanan Bola Baling di peringkat Universiti merupakan acara yang dianjurkan oleh badan induk Persatuan Universiti di dalam negara. Permulaan kejohanan di antara universiti bermula pada tahun 1974, apabila pegawai sukan universiti mengambil inisiatif untuk mengatur acara sukan di kalangan pekerja universiti tempatan. Pertandingan itu berfungsi sebagai pemacu pembangunan sukan di universiti tempatan. Penyelarasan sukan dalam kalangan pelajar universiti bermula pada tahun 1975 dan berterusan sehingga kini. Timbalan-timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menubuhkan Gabungan Universiti Malaysia (GUM) pada 1981 hasil usaha mereka yang menubuhkan persatuan ini.

Pemain bola baling mempunyai orientasi matlamat tersendiri di dalam bidang bola baling ini. Mengikut tujuan utama masing-masing pemain bola baling menetapkan suatu elemen yang penting bagi mempengaruhi prestasi individu dalam sukan bola baling. Orientasi tugas merujuk kepada penghasilan kecekapan melalui peningkatan kemahiran dan kecekapan peribadi serta penguasaan tugas (Saadan, Hooi, Ali & Jano, 2016). Sebagai pemain bola baling di universiti Pemain dan pelajar itu sendiri mempunyai permasalahan dalam menetapkan apakah tujuan utama mereka untuk bermain sukan bola baling. Samada untuk mengharumkan nama universiti atau berasaskan matlamat hanya untuk membangga diri sahaja.

Di dalam sukan ini gaya kejurulatihan seseorang atlete dalam sukan bola baling juga perlu dititikberatkan bagi memimpin sesebuah pasukan. Dengan gaya kejurulatihan yang salah akan merudumkan prestasi pasukan tersebut dari menjadi sebuah pasukan yang bagus dalam sukan bola baling. Ini bermakna gaya kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesebuah pasukan yang dibentuk (Patterson, Carron., & Loughhead, 2005). Gaya kejurulatihan menjadi penentu kejayaan bagi sesebuah pasukan dalam sukan bola baling.

Secara khususnya, Kajian ini dijalankan terhadap atlet Bola Baling di peringkat Universiti yang akan berlangsung pada tahun 2022. Yang mana separuh daripada atlet Bola baling tersebut merupakan pemain baharu yang akan dipilih untuk mewakili universiti masing-masing selepas bebas daripada musim pandemik, oleh itu, penyelidik mengandaikan faktor luaran seperti mengejar kemahsyuran, sikap ego yang tinggi dan sikap meninggi diri yang ada pada atlete Bola Baling akan memburukkan nama baik sukan bola baling yang sedia ada serta kurang pengalaman dalam bermain di dalam permainan ini serta gaya kejurulatihan yang salah akan menyebabkan atlete tersebut tidak akan Berjaya di dalam sukan bola baling.

Berdasarkan kajian lepas Jaakkola, Ntoumanis, & Liukkonen, (2016) menjalankan kajian mengenai hubungan antara keadaan iklim motivasi, matlamat pencapaian dalam pendekatan pencegahan, keupayaan atau kebolehan dan keseronokan dalam sukan. Dengan matlamat yang salah sesebuah pasukan bola baling tersebut akan kurang fokus sewaktu Latihan dijalankan oleh jurulatih yang membimbing pasukan tersebut. Dengan kurangnya ilmu pengetahuan dan tidak mempunyai asas kemahiran dalam sukan bola baling akan mengurangkan peluang atlit tersebut bagi memenangi kejohanan yang akan datang.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini akan dilakukan atas pelbagai sebab, termasuk kepentingan terhadap :

1.3.1 Kepentingan terhadap atlit Bola Baling

Kepentingan kajian ini terhadap atlit ialah dapat membantu atlit dari aspek psikologi atlete tentang menerapkan moral yang baik di dalam diri atlete supaya dapat beradaptasi dengan kejayaan yang baik dan tidak menyalahgunakan matlamat demi kepentingan diri yang boleh menjejaskan tujuan yang sebenar untuk bermain sukan ini. Kajian ini juga akan membantu atlit dalam kemahiran dalam merancang dan melaksanakan latihan yang diberikan oleh jurulatih dengan lebih teratur dan mengikut jadual yang ditetapkan oleh gaya yang dipilih oleh jurulatih terhadap atlit.

1.3.2 Kepentingan terhadap jurulatih Bola Baling

Hasil kajian ini juga amat berguna terhadap perkembangan sukan bola baling Malaysia untuk menerapkan ciri-ciri yang sepatutnya ada pada atlit sukan bola baling demi memperluaskan lagi permainan ini di serata umur dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat dewasa yang mempunyai kelab persatuan bola baling tersendiri. Hasil kajian ini juga dapat digunakan oleh Majlis Sukan Negara bagi merancang dan melaksanakan

program Latihan yang berkualiti terhadap pelapis-pelapis pemain bola baling negara pada masa yang akan datang. Masalah atlit yang mempunyai stress dalaman tentang gaya kejurulatihan yang salah juga akan menyebabkan minat dan kesungguhan daripada pemain muda akan mula pudar sekiranya dikerah dengan gaya kejurulatihan yang salah.

Bagi jurulatih yang berada pada tahap mengajar di sekolah kebangsaan, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi mereka untuk melihat sama ada gaya kejurulatihan yang dilakukan adalah bersesuaian untuk digunakan terhadap pasukan mereka atau sebaliknya. Jika gaya kepimpinan jurulatih tidak boleh digunakan terhadap pasukan, Jurulatih perlu mengubah gaya kejurulatihan yang dipraktikkan kepada gaya yang lain bagi memberikan pendekatan yang positif dan mempunyai komunikasi dua hala yang baik sesama mereka.

1.3.3 Kepentingan terhadap atlet Bola Baling Universiti

Kepentingan kajian ini terhadap Atlet Bola Baling yang akan menyertai kejohanan Universiti ialah, supaya setiap jurulatih di universiti yang mempunyai persatuan bola baling dapat menitikberatkan keseimbangan Latihan fizikal dan mental pasukan supaya seluruh persatuan dapat memberikan impak positif daripada kajian ini dengan menitikberatkan mental pasukan supaya terhadap orientasi matlamat yang betul dan mengasah bakat pemain sukan ini menjadi sukan yang dikenali ramai pada masa datang.

1.3.4 Kepentingan terhadap psikologi

Kepentingan psikologi ialah data dan maklumat yang dikumpul dapat membantu ahli psikologi untuk meneruskan kajian ke atas atlet bagi membantu atlet dalam meningkatkan prestasi mereka dari sudut psikologi pada masa hadapan

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, objektif kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik ialah ingin mengenalpasti kesan corak orientasi matlamat dan gaya kejurulatihan yang bakal digunakan terhadap atlete Bola Baling di peringkat Universiti bagi mengetahui tahap gaya kejurulatihan yang digemari dan keyakinan dalam menetapkan orientasi matlamat dan gaya kejurulatihan yang bakal dipilih oleh atlete tersebut.

- 1.4.1 Menenalpasti orientasi matlamat dalam kalangan pemain bola baling Upsi
- 1.4.2 Menenal pasti gaya kejurulatihan pilihan pemain bola baling Upsi
- 1.4.3 Mengkaji perbezaan corak orientasi matlamat diantara pemain bola baling lelaki dan perempuan.independent
- 1.4.4 Mengkaji perbezaan pilihan gaya kejurulatihan pemain diantara pemain bola baling lelaki dan perempuan.
- 1.4.5 Menenal pasti perkaitan antara orientasi matlamat dengan gaya kepimpinan jurulatih kegemaran pemain bola baling di peringkat universiti.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan masalah kajian dan batasan yang telah dikenal pasti, berikut adalah beberapa persoalan yang timbul dalam kajian ini:

- 1.5.1 Apakah orientasi matlamat dalam kalangan pemain bola baling Upsi
- 1.5.2 Apakah gaya kejurulatihan pilihan pemain bola baling Upsi
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat diantara pemain bola baling lelaki dan perempuan.
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan pilihan gaya kejurulatihan pemain diantara pemain bola baling lelaki dan perempuan.
- 1.5.5 Adakah terdapat perkaitan antara orientasi matlamat dengan gaya kepimpinan jurulatih kegemaran pemain bola baling di peringkat university.

1.6 BATASAN KAJIAN

- 1.6.1 Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini terbatas kepada 52 orang atlet bola baling di peringkat Universiti yang mewakili Universiti Pendidikan Sultan Idris Peserta dibahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan lelaki dan Wanita.

1.6.2 Delimitasi

Penyelidik telah menetapkan beberapa perkara berdasarkan kajian untuk mengenalpasti kesan latihan mental terhadap kekeliruan dan penetapan keyakinan matlamat terhadap atlete bola baling Universiti.

1. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini terbatas kepada atlet Bola Baling di peringkat Universiti sahaja yang baru berlatih dan tidak mempunyai banyak pengalaman kerana mempunyai ramai atlete baru setelah dilanda wabak covid 19. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak dapat dilakukan terhadap seluruh atlete Bola Baling remaja yang ada di negara ini. Ciri-ciri soal selidik 'Task and Ego Orientation In Sport Questionnaire' (TEOSQ) dan Leadership Scale for Sport (LSS) yang telah dialih bahasa mungkin akan memberikan pengaruh terhadap atlete Bola Baling Universiti.

1.6.3 Limitasi kajian

Antara kekangan yang perlu diambil kira semasa membuat kesimpulan dan membincangkan kajian ini ialah kejujuran dan kesungguhan responden menjawab soalan. Soal selidik. Pengalaman responden memberikan maklum balas dalam bentuk soal selidik juga akan memberi kesan kepada dapatan kajian.

1.7 DEFINISI PEMBOLEH UBAH KAJIAN

Setiap pembolehubah kajian boleh diterangkan secara konsep dan beroperasi. Definisi operasional bagi sesuatu istilah adalah pasti dan kuantitatif, menurut Sidek Mohd Noah (2002), dan diambil daripada kamus dan literatur ilmiah tentang pembolehubah yang terlibat dalam kajian. Dalam kajian ini, definisi konsep dan operasi digunakan bersama untuk menerangkan sesuatu istilah dengan lebih tepat dan sesuai dengan objektif kajian. Takrifan bagi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini disenaraikan di bawah.

1.7.1 Motif penglibatan

Menurut Gill (2000), langkah pertama yang perlu diberi tumpuan bagi menggalakkan remaja melibatkan diri secara konsisten dan serius dalam bidang sukan ialah dengan mengenal pasti motif penglibatan mereka. Motif atau sebab yang paling popular untuk mengambil bahagian dalam sukan adalah untuk berkembang dan mempamerkan kecekapan (dengan mempelajari kebolehan baharu), untuk menghadapi halangan dan mencapai kejayaan, untuk mendapatkan faedah sosial daripada menjadi ahli kelab atau pasukan, untuk meningkatkan kecergasan, dan untuk berseronok.

1.7.2 Motivasi intrinsik

Motivasi intrinsik digambarkan sebagai melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti untuk kepentingannya sendiri dan bukannya untuk kepentingan sekunder. Apabila

seseorang didorong secara intrinsik, dia diilhamkan untuk membuat persembahan kerana keseronokan atau cabaran yang terlibat, bukannya kerana produk luaran, tekanan atau insentif. Motivasi jenis ini lebih menekankan kepada kualiti perasaan, proses dan pengalaman (Pellertier et al., 2013). Dengan kata lain, motivasi intrinsik ialah insentif dalaman yang mendorong seseorang atlet untuk mengambil bahagian dalam sukan dan kemudian berusaha untuk mencapai objektif tertentu.

1.7.3 Motivasi ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik ditakrifkan sebagai tingkah laku yang dipengaruhi oleh insentif luaran. Insentif ini boleh berbentuk kewangan atau akademik, atau tidak ketara, seperti pujian atau selebriti. Motivasi ekstrinsik adalah berbeza daripada motivasi intrinsik kerana ia semata-mata didorong oleh insentif luaran. Atlet lelaki yang bermotivasi ekstrinsik mempunyai fokus tinggi kepada pertandingan, kemenangan, hadiah dan penghargaan (Chantel et al., 1996; Gould et al., 1985)

1.7.4 Orientasi matlamat

Gill (2000) dalam bukunya menyatakan corak orientasi matlamat adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Individu yang berorientasikan tugas akan tertumpu kepada perbandingan

pencapaian dengan tahap kemajuan diri individu itu sendiri. Menetapkan matlamat memerlukan penentuan perkara yang ingin anda capai dan cara anda mencapainya (objektif proses), serta mengukur kemajuan anda (matlamat prestasi). Motivasi, komitmen, dan keyakinan diri akan meningkat apabila matlamat yang sukar dipecahkan kepada langkah-langkah yang boleh dicapai dan kemudian dicapai secara konsisten.

1.7.5 Gaya kejurulatihan

Kejurulatihan melibatkan proses siasatan dan penemuan peribadi untuk meningkatkan tahap kesedaran dan akauntabiliti pemain sambil turut menyediakan struktur, sokongan dan maklum balas. Ini bermakna gaya kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesebuah pasukan yang dibentuk (Patterson, Carron., & Loughead, 2005).

1.8 RUMUSAN

Penyelidikan ini akan dijalankan mengikut protokol yang ditetapkan. Kajian ini melibatkan atlit Bola Baling Universiti sebagai sampel. Hasil penyiasatan dan maklumat yang dikumpul akan dinilai secara kuantitatif. Tambahan pula, penyelidikan ini akan membantu atlet dan jurulatih dalam mengamalkan pendekatan latihan cakap sendiri yang positif terhadap kebimbangan pra-pertandingan, secara konsep dan praktikal, bagi meningkatkan prestasi peserta Bola Baling Universiti.